

26 JUL 1997

TARIKH AKHIR 15 OGOS BAGI PEMBEKAL KAD SERBA GUNA

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Pembekal-pembekal yang berminat untuk melibatkan diri dalam kad pelbagai guna (MPC), satu daripada aplikasi perdana Koridor Raya Multimedia (MSC), perlulah mengemukakan memorandum hasrat mereka kepada Bank Negara menjelang 15 Ogos, kata seorang pegawai Bank Negara hari ini.

Ketua Jabatan Kawalan Selia Bank, Mohd Razif Abdul Kadir, berkata MSC akan menjadi gelanggang ujian bagi MPC nasional yang pertama di dunia, yang akan dikeluarkan kepada semua warga negara Malaysia. Bank Negara merupakan agensi peneraju yang bertanggungjawab bagi perkembangan MPC.

"Kad pintar ini akan bertindak sebagai kad pengenalan nasional, lesen memandu, kad imigresen dan kesihatan, wang tunai elektronik, debit, ATM dan kredit," katanya pada satu majlis taklimat MPC di sini.

Melalui aplikasi ini, satu platform teknologi tunggal akan dimajukan untuk membolehkan kerajaan dan penyedia aplikasi swasta melaksanakan penyelesaian kad pintar tanpa pertindihan usaha dan pelaburan.

Terdahulu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan Konsep Cadangan Permohonan Tender (CRFP) bagi empat daripada tujuh aplikasi perdana di sini.

Menurut Mohd Razif bank pusat itu akan mengeluarkan standard E-cash serta spesifikasi dan projek perintis akan dijalankan menjelang Julai 1998.

Katanya institusi kewangan akan mula memasarkannya menjelang Julai 1999.

Sementara itu, penyerahan bagi bayaran dan dan MPC kerajaan ialah pada 26 Nov, 1997.

Beliau menambah kata Bank Negara akan memilih konsortium pembekal MPC pada 26 Feb, 1998 dan keputusan kontrak akan dibuat menjelang 26 Mac, 1998.

Katanya konsortium yang berjaya dikehendaki menerima beberapa syarat tertentu apabila diberi kontrak bagi E-cash serta pembayaran dan MPC kerajaan.

MPC yang dijadualkan untuk dikeluarkan bagi tujuan komersil sebelum tahun 2000, akan diperkenalkan kepada dua juta pengguna pertama dalam kawasan MSC dan Kuala Lumpur. Kad tersebut dijangka diuji pada Sukan Komanwel 1998. -- BERNAMA

YY KY MA